BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021

TEM

Kandungan

Prakata

Sorotan Penting

11 Ringkasan Eksekutif

17 Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2021

42 *Rencana: Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan*

59 Prospek dan Dasar pada Tahun 2022

78 *Rencana: Prospek Pemulihan Ekonomi Global: Iktibar dari Perspektif Kedudukan Kewangan Korporat*

Tambahan

Glosari, Akronim dan Singkatan

Prakata

Tahun 2022 merupakan tahun yang akan menjadi titik perubahan apabila kebanyakan negara beralih secara progresif ke arah pengurusan endemik COVID-19. Natijah daripada gangguan ekonomi sejak dua tahun yang lalu telah menyebabkan munculnya cabaran baharu yang memerlukan penelitian semula strategi dasar. Kini, masih terdapat ketidakpastian yang ketara berhubung dengan prospek ekonomi global untuk jangka sederhana. Ketidakpastian ini berpunca terutamanya daripada tahap kerosakan ekonomi yang berpanjangan (*economic scarring*) dan bagaimana hal ini bertindak balas dengan peralihan struktur selepas pandemik, seperti penggunaan digital yang lebih meluas. Proses peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari juga akan meninggalkan kesan yang ketara terhadap prospek ekonomi. Dalam jangka masa terdekat, peralihan sedemikian mungkin menyebabkan wujudnya imbangan (*trade-offs*) antara pertumbuhan ekonomi jangka pendek dengan inflasi bagi memastikan pertumbuhan yang lebih mampan dalam jangka sederhana. Memandangkan ekonomi global dijangka terus mencatatkan pemulihan, penggubal dasar perlu membuat pelarasan terhadap penetapan dasar mereka dalam keadaan ketidakpastian yang pesat berubah, termasuk konflik ketenteraan di Ukraine yang bermula pada bulan Februari. Keadaan ini merumitkan tugas untuk menilai implikasi perkembangan tersebut terhadap ekonomi dan keadaan kewangan. Ketidakpastian ini juga telah menyebabkan volatiliti pasaran kewangan global meningkat, yang mempunyai implikasi yang ketara terhadap ekonomi sedang pesat membangun. Oleh itu, penggubalan dasar akan terus bergantung pada data seiring dengan perkembangan yang sedang berlaku.

Bagi Malaysia, momentum kadar pemulihan ekonomi diunjurkan terus meningkat berikutan pembukaan semula ekonomi dan sempadan antarabangsa. Meskipun kita masih belum terlepas daripada kesan pandemik ini, kini negara lebih bersiap siaga. Pengurusan COVID-19 yang lebih baik dan kadar pemberian vaksin yang lebih tinggi akan membantu mengurangkan kesan buruk akibat penularan semula COVID-19 pada masa hadapan dan sekali gus melindungi sistem penjagaan kesihatan negara daripada keadaan yang melangkaui keupayaannya. Setelah mengambil kira semua faktor ini, Bank menjangkakan gangguan terhadap kegiatan ekonomi dan perbelanjaan dapat dikurangkan sekiranya berlaku penularan semula COVID-19. Sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia akan terus mendapat manfaat daripada pengembangan permintaan global, yang akan menyokong aktiviti pelaburan dan pasaran pekerja. Secara keseluruhan, pertumbuhan dijangka berkembang antara 5.3% hingga 6.3% pada tahun 2022.

Dasar monetari akan kekal akomodatif untuk menyokong pemulihan ekonomi yang mampan di samping memastikan kestabilan harga. Keadaan pandemik yang pertama kali berlaku sehingga memerlukan sokongan monetari yang ketara kini telah pun reda. Memandangkan kadar dasar berada pada paras terendah yang belum pernah dicatatkan sebelum ini, Bank sedar akan akibat mengekalkan kadar faedah yang rendah untuk tempoh yang berpanjangan. Pengalaman global telah menunjukkan bahawa keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan ketidakseimbangan kewangan yang tidak wajar. Berikutan pemulihan ekonomi yang bertambah kukuh, Bank perlu mempunyai disiplin dan pandangan jauh untuk mula membina semula penampan dasar bagi menghadapi kejutan pada masa hadapan. Sejak kebelakangan ini, terdapat juga kebimbangan berkaitan risiko terhadap inflasi dalam negeri yang berpunca daripada kenaikan harga komoditi berikutan gangguan bekalan yang berpanjangan dan konflik ketenteraan di Ukraine. Memandangkan prospek inflasi sebahagian besarnya akan terus didorong oleh faktor-faktor penawaran (*supply-driven*), Bank akan memantau dengan rapi sebarang tanda yang berpotensi mendorong kepada kesan pusingan kedua, sekiranya tekanan harga menjadi lebih ketara berikutan pemulihan permintaan dalam negeri. Akhirnya, sebarang potensi pelarasan terhadap tahap akomodatif dasar monetari akan terus bergantung pada data serta akan dilaksanakan secara teliti dan beransur-ansur, setara dengan tahap sokongan yang diperlukan oleh ekonomi.

Bagi menjamin pemulihan yang berdaya tahan, adalah penting supaya konfigurasi keseluruhan dasar Bank tidak hilang tumpuan dalam usaha memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka panjang. Hal ini menjadi asas pertimbangan dasar oleh Bank dalam melaksanakan mandat kestabilan monetari dan kewangan. Dasar-dasar ini berpandangan ke hadapan dan ditentukan terlebih dahulu dengan tujuan untuk menguruskan risiko yang terdekat dan meminimumkan tahap mudah terjejas pada masa hadapan demi memastikan pertumbuhan yang mampan merentas kitaran ekonomi dan perniagaan. Sama pentingnya, Bank juga perlu memastikan ruang dasar yang mencukupi dan sentiasa tersedia untuk dimanfaatkan dari semasa ke semasa sebagai alat untuk melaksanakan mandat. Sepanjang dua tahun yang lalu, Bank bersama-sama sektor kewangan telah meningkatkan usaha untuk menyediakan pelbagai bentuk sokongan kewangan, termasuk bantuan bayaran balik pinjaman dan bantuan kewangan kepada golongan terjejas yang mungkin memerlukan lebih banyak masa untuk pulih semula. Dengan bantuan bersasar yang masih disediakan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan kumpulan lain yang terjejas akan terus mendapat akses kepada sokongan kewangan apabila mereka menyambung semula aktiviti mereka. Berikutan ekonomi dalam negeri yang mulai pulih, strategi perlu berkembang dengan mengambil kira implikasi penetapan dasar semasa untuk jangka sederhana hingga jangka panjang. Kita perlu belajar daripada pengalaman negara-negara lain yang pernah mengalami fenomena “dekad yang hilang” (*lost decade phenomenon*), yang menekankan pentingnya penyesuaian semula dasar tepat pada masanya serta keselarasan penetapan dasar secara menyeluruh. Kegagalan mengambil kira risiko sedemikian boleh mengakibatkan kerugian yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Pada masa hadapan, langkah-langkah dasar hendaklah disasarkan pada usaha mengembalikan mekanisme pasaran untuk memupuk kedinamikan perniagaan dan memberikan tumpuan semula pada pengukuhan prospek pertumbuhan jangka panjang Malaysia. Manfaat yang diperoleh daripada pembaharuan sektor kewangan sebelum ini terbukti penting dalam menyokong ekonomi mengharungi tempoh yang mencabar sejak dua tahun kebelakangan ini, dan tidak patut disia-siakan bagi menjamin kestabilan kewangan dan monetari pada masa akan datang.

Landskap ekonomi dan kewangan melangkaui tahun 2022 berkemungkinan akan berubah serta menguji daya tahan rangka kerja dasar Bank yang sedia ada. Bank kini sedang menjalankan kajian semula terhadap rangka kerja dasar monetari bagi memastikan rangka kerja ini masih relevan bagi memelihara kestabilan harga yang terus menggalakkan pertumbuhan yang mampan. Krisis kesihatan telah menyebabkan perubahan amalan dan struktur dalam kalangan isi rumah dan perniagaan. Hal ini memberikan implikasi penting terhadap hubungan ekonomi dan kewangan. Elemen utama pembaharuan yang bakal berlaku termasuk perkembangan teknologi digital yang dipercepat dan peralihan ke arah pembiayaan berasaskan pasaran yang lebih meluas. Oleh yang demikian, kajian ini akan mempunyai tumpuan yang mendalam terhadap bidang-bidang utama yang akan mempengaruhi pelaksanaan dasar monetari, antaranya seperti pendigitalan kewangan, komunikasi dan jangkauan dasar monetari serta perubahan iklim. Akhirnya, kajian ini dijangka dapat memperhalus elemen rangka kerja dasar monetari yang sedia ada bagi meningkatkan kemampuan Bank mencapai mandat kestabilan monetari merentas masa.

Pada masa hadapan, pembaharuan struktur yang dilaksanakan dengan baik diperlukan untuk menangani cabaran penting bagi merangsang semula peluang pertumbuhan dan memperkukuh asas ekonomi negara. Perlu diingat juga bahawa dasar ekonomi tidak wujud bersendirian. Dasar-dasar lain yang ada pada hari ini akan memberikan kesan pada landskap ekonomi masa hadapan serta mempengaruhi keberkesanan terhadap

dasar-dasar kitaran balas, termasuk dasar monetari. Sebagai contoh, dasar sedia ada seperti ketetapan paras tertinggi harga bahan api runcit dalam negeri dan kawalan harga bagi barangan makanan segar terpilih sememangnya telah meredakan tekanan kos buat sementara. Walau bagaimanapun, dasar tersebut akan mengakibatkan kos jangka panjang disebabkan tekanan harga secara artifisial yang akhirnya akan mengganggu keputusan penggunaan dan pengeluaran yang boleh memberikan kesan buruk terhadap produktiviti jangka panjang. Langkah sedemikian juga akan menjejaskan kedudukan fiskal Kerajaan dan melibatkan imbangan (*trade-offs*) perbelanjaan dalam aspek pembangunan penting yang lain. Bagi menangani isu ini, penyelesaian jangka panjang yang dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan perlu diwujudkan bagi membantu ekonomi Malaysia memaksimumkan peningkatan kecekapan tersebut. Daripada contoh ini, jelas bahawa dasar monetari dan kewangan Bank sahaja tidak mencukupi untuk mempercepat pendorong asas pertumbuhan ini, yang lebih bergantung pada dasar-dasar ekonomi lain bagi memastikan hasil makroekonomi yang lebih luas.

Malaysia perlu mengekalkan tumpuan dan memberikan keutamaan pada bidang pembaharuan struktur yang utama untuk bangkit dengan lebih kukuh dan berdaya tahan. Peralihan ke arah pelaburan berkualiti lebih tinggi adalah penting dan perlu dilaksanakan sejajar dengan pembangunan tenaga kerja yang bersedia menghadapi masa hadapan, pembaharuan perlindungan sosial yang dipercepat serta penerapan penggunaan automasi dan pendigitalan yang pesat. Dorongan yang berterusan untuk menerapkan agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance, ESG) juga sangat penting, khususnya bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing pada peringkat global, di samping membina masa hadapan yang lebih mampan dan berdaya tahan. Usaha yang telah dimulakan oleh Kerajaan dalam bidang-bidang ini, terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Bajet 2022 wajar diberikan pengiktirafan. Bank mengalu-alukan usaha-usaha tersebut dan melihat adanya potensi yang kukuh untuk mempercepat pelaksanaan pembaharuan ini dalam jangka masa terdekat. Dalam usaha Malaysia untuk terus bertindak balas dan pulih daripada kesan pandemik ini, proses pemusnahan kreatif (*creative destruction*) perlu digerakkan apabila sektor perniagaan berusaha untuk membuat perubahan dan penyusunan semula dalam tempoh selepas pandemik. Pendekatan sedia ada yang menggunakan langkah-langkah menyeluruh berkemungkinan akan menjejaskan pertumbuhan masa hadapan yang boleh berlaku dalam beberapa tahun yang akan datang. Risiko tersebut mungkin menjadi nyata jika negara tidak terus memberikan tumpuan terhadap pembaharuan ini dan mempercepat usaha pelaksanaannya. Pengalaman Bank dalam melaksanakan pembaharuan sektor kewangan selepas Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) telah menunjukkan bahawa tidak mustahil untuk melakukan pembaharuan yang sukar tetapi diperlukan, yang manfaatnya dapat kita nikmati pada hari ini.

Dalam melaksanakan pembaharuan struktur, Bank mengakui akan hakikat yang dihadapi oleh penggubal dasar negara. Cabaran ini terletak pada usaha mengimbangi keperluan untuk terus menyediakan sokongan dasar berikutan pemulihan ekonomi yang tidak sekata, dan membina semula penampan dasar di samping usaha untuk mempercepat pembaharuan struktur yang memerlukan komitmen yang kukuh daripada semua pihak berkepentingan. Dalam hal ini, Malaysia memerlukan pelan hala tuju yang komprehensif, iaitu merangkumi keutamaan, penyusunan dan pelaksanaan pembaharuan yang merentas sektor awam dan swasta. Peranan Bank dalam menyokong pembaharuan struktur ini adalah untuk memastikan bahawa sistem kewangan dapat memudahkan keperluan pengantaraan bagi tujuan transformasi yang telah dinyatakan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 yang diumumkan baru-baru ini.

Saya yakin bahawa ekonomi Malaysia akan terus maju. Prospek ekonomi negara akan terus bergantung pada tindakan dasar kita pada hari ini. Dengan memastikan persekitaran ekonomi yang kondusif dan berdaya saing, Malaysia akan terus mendapat manfaat daripada peluang pertumbuhan baharu yang akan menjadi persediaan untuk kita menghadapi cabaran baharu dalam dunia selepas pandemik.




Nor Shamsiah Yunus
30 Mac 2022

Sorotan Penting

Perkembangan dan Prospek Ekonomi

Pemulihan KDNK Malaysia lebih kukuh pada tahun 2022

Pertumbuhan KDNK benar (Perubahan tahunan, %)



a Awalan
r Ramalan

Pemacu utama pertumbuhan pada tahunan 2022 (Perubahan tahunan, %)

Permintaan

+9.0% Penggunaan Swasta

+5.3% Pelaburan Swasta

Penawaran

+6.9% Perkhidmatan

+5.2% Perkilangan

...disokong oleh faktor luaran dan domestik dalam keadaan persekitaran yang mencabar

Penyumbang utama kepada pertumbuhan


- Pengembangan berterusan dalam permintaan luaran yang disokong oleh kitaran teknologi menaik
- Penamatan langkah pembendungan & pembukaan semula sempadan antarabangsa berikutan kadar pemberian vaksin yang tinggi
- Peningkatan prospek pekerjaan dan pendapatan
- Akses berterusan terhadap langkah-langkah dasar yang bersasar

Cabaran Utama

- **Perkembangan pandemik COVID-19**
  Kemunculan varian kebal vaksin menyebabkan penularan semula
- **Konflik geopolitik yang berterusan**
  Kejutan harga komoditi dan gangguan kepada rantaian bekalan dan perdagangan
- **Tekanan kos dan harga yang meningkat**
  Kebimbangan terhadap kos sara hidup dan keberuntungan menjejaskan sentimen isi rumah dan perniagaan


Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% hingga 3.2% pada tahun 2022 dalam keadaan inflasi teras yang lebih tinggi

Inflasi Keseluruhan
(Perubahan tahunan, %)



r Ramalan

Inflasi Teras[1]
(Perubahan tahunan, %)




r Ramalan

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk kesan langsung perubahan dasar cukai penggunaan.

Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan

Walaupun inflasi IHP yang lebih tinggi adalah lazim di seluruh dunia, faktor khusus negara telah sebahagiannya membendung tekanan inflasi di Malaysia pada masa ini

Inflasi IHP kumulatif (Dis 19 hingga Dis 21; % Tahunan)



Faktor yang boleh membendung tekanan inflasi untuk Malaysia:


1. **Kapasiti lebihan yang berterusan dalam ekonomi** berikutan pemulihan yang beransur-ansur
2. **Langkah dasar** seperti penguatkuasaan harga siling (*price ceiling*)
3. **Gangguan yang secara relatif kurang teruk,** mencerminkan faktor seperti kedudukan yang dekat dengan hab perkilangan global

Sumber: Pihak berkuasa negara dan anggaran Bank Negara Malaysia

Prospek Pemulihan Ekonomi Global: Iktibar dari Perspektif Kedudukan Kewangan Korporat

Hutang korporat telah meningkat dengan keperluan pembiayaan yang lebih tinggi semasa pandemik

Hutang korporat
Bahagian daripada KDNK (%)



Sangat penting untuk mengimbangi antara matlamat ekonomi jangka pendek dengan jangka panjang

Sokongan Dasar yang Tepat Pada Masanya, Secara Langsung dan Berkadar
Tahap sokongan dasar yang besar telah mengurangkan kemelesetan tetapi memerlukan penyesuaian semula apabila keadaan permintaan bertambah baik.

Pembaharuan Struktur untuk Meningkatkan Daya Tahan Ekonomi
Fleksibiliti pasaran buruh dan undang-undang insolvensi yang lebih kukuh boleh mempercepat peruntukan semula sumber dan meningkatkan produktiviti.

Bank-bank yang Mempunyai Permodalan yang Kukuh untuk Memastikan Kestabilan Makroekonomi dan Kewangan
Kedudukan kewangan bank-bank yang kukuh menyekat pemberian pinjaman yang berterusan kepada syarikat-syarikat zombie.

Sumber: Pangkalan Data Kredit Bank for International Settlements (BIS)

Ringkasan Eksekutif

Ringkasan Eksekutif

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada Tahun 2021

Ekonomi global meningkat semula pada tahun 2021 dengan pemulihan yang tidak sekata berikutan kemelesetan akibat pandemik pada tahun 2020: Ekonomi dan perdagangan global meningkat semula masing-masing sebanyak 5.8% dan 9.3%. Walau bagaimanapun, pemulihan ini tidak sekata, terutamanya antara ekonomi maju (Advanced Economies, AE) dengan ekonomi sedang pesat membangun (Emerging Market Economies, EME). Meskipun varian COVID-19 baharu menjejaskan ekonomi kebanyakan negara, kemajuan pemberian vaksin yang lebih pantas dalam kalangan AE membolehkan langkah-langkah pembendungan ditamatkan dengan lebih cepat, lantas menyebabkan peningkatan awal kegiatan ekonomi. Bersama-sama dengan permintaan yang lebih kukuh, kekurangan pekerja dalam beberapa AE dan gangguan rantaian bekalan meningkatkan kos logistik dan input, yang menyebabkan tekanan inflasi yang lebih tinggi pada separuh kedua tahun 2021. Berlatarkan persekitaran inflasi yang lebih tinggi ini, beberapa bank pusat mula mengembalikan dasar monetari ke paras wajar. Walau bagaimanapun, inflasi dalam kalangan EME di Asia kekal rendah yang menyebabkan dasar monetari serantau terus akomodatif.

Keadaan kewangan domestik yang lebih ketat, tetapi kesan limpahan terhadap aktiviti pengantaraan kewangan adalah terkawal: Pergerakan pasaran kewangan domestik dipengaruhi oleh faktor luaran dan domestik, yang menyumbang kepada volatiliti sekali-sekala dalam aliran portfolio, tekanan yang tinggi ke atas kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), harga ekuiti yang lemah dan volatiliti ringgit. Namun begitu, pelarasan dalam pasaran domestik kekal teratur, disokong oleh pasaran kewangan Malaysia yang kukuh, mudah tunai yang mencukupi, serta operasi mudah tunai dan pertukaran asing Bank. Selain itu, kekukuhan dan daya tahan sistem perbankan Malaysia penting dalam menyokong pengantaraan dana yang berkesan dalam ekonomi. Fleksibiliti dalam kadar pertukaran ringgit juga memudahkan pelarasan yang wajar dalam sektor luaran.

Ekonomi Malaysia bertambah baik pada tahun 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.1%: Momentum pemulihan pada tempoh awal tahun terjejas akibat pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan di seluruh negara antara bulan Jun hingga September 2021, berikutan peningkatan semula kes dengan cepat yang disebabkan oleh varian Delta. Walau bagaimanapun, berbanding dengan sekatan pergerakan pada suku kedua tahun 2020, lebih banyak sektor ekonomi penting dibenarkan beroperasi, manakala perniagaan dan isi rumah dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik kepada langkah-langkah pembendungan dan prosedur operasi standard (*standard operating procedure*, SOP). Namun begitu, beberapa sektor seperti perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch services*), industri berkaitan pelancongan dan pembinaan pulih dengan lebih perlahan disebabkan oleh sekatan berterusan terhadap pergerakan dan kapasiti operasi. Apabila sekatan ini akhirnya ditamatkan pada bulan Oktober 2021 berikutan kemajuan pemberian vaksin dalam negeri yang pesat, kegiatan ekonomi meningkat dan keadaan pasaran pekerja bertambah baik. Pengembangan guna tenaga dan kenaikan selanjutnya dalam upah sektor swasta menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan isi rumah. Pertumbuhan pelaburan swasta disokong oleh pengembangan kapasiti pengeluaran, terutamanya dalam sektor perkilangan, di samping perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh firma-firma untuk automasi dan pendigitalan. Selain itu, permintaan luaran juga memberikan sokongan yang mantap kepada pertumbuhan ekonomi negara pada tahun 2021.

Inflasi keseluruhan menjadi positif pada tahun 2021 manakala inflasi teras kekal rendah: Inflasi keseluruhan pada tahun 2021 meningkat kepada 2.5% (2020: -1.2%), mencerminkan terutamanya inflasi bahan api yang lebih tinggi. Gangguan dari segi bekalan global turut menyumbang kepada tekanan menaik terhadap harga, walaupun kesan terhadap harga pengguna dalam negeri secara relatif terkawal sebahagiannya disebabkan olehpenyerapan kenaikan harga kos dalam rantaian bekalan. Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, secara relatif kekal rendah pada 0.7% pada tahun 2021 (2020: 1.1%), mencerminkan lebihan kapasiti dalam ekonomi berikutan pemulihan yang sederhana dalam pasaran pekerja.

Pada tahun 2021, dasar monetari yang akomodatif menyokong pemulihan ekonomi: Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada paras terendah yang pernah dicatatkan sebelum ini, iaitu 1.75% sepanjang tahun 2021. Teras dasar monetari pada tahun 2021 adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam persekitaran tekanan harga yang terurus. Selain itu, pelanjutan fleksibiliti Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) dari 31 Mei 2021 hingga 31 Disember 2022 menyediakan sokongan mudah tunai yang berterusan untuk pengantaraan kewangan sepanjang tahun 2021. Langkah-langkah kewangan, seperti jaminan kredit dan pelbagai kemudahan pembiayaan Bank, juga menyediakan sokongan bersasar untuk segmen terjejas yang menghadapi pemulihan yang lebih tidak sekata. Secara keseluruhan, pembiayaan terus menyokong pemulihan ekonomi, dengan aliran kredit bank yang berterusan kepada isi rumah dan perniagaan.

Prospek dan Dasar pada Tahun 2022

Ekonomi global terus pulih apabila kebanyakan negara beralih kepada keadaan normal secara beransur-ansur, walaupun pada tahap yang berbeza-beza: Pada tahun 2022, pertumbuhan berwajaran PPP global dan pertumbuhan berwajaran eksport global Malaysia masing-masing diunjurkan meningkat antara 3.8% hingga 4.3%, dan antara 4.0% hingga 4.5 %. Penambahbaikan dalam keadaan pasaran pekerja susulan pembukaan semula ekonomi secara beransur-ansur sepanjang tahun lalu dijangka memudahkan pemulihan dalam aktiviti sektor swasta pada tahun 2022. Kesan penularan semula COVID-19 terus menjadi risiko utama tetapi dijangka lebih kecil pada tahun 2022 berbanding dengan tahun 2020 dan 2021 disebabkan oleh faktor-faktor antaranya seperti kemajuan yang baik dan berterusan dalam pemberian vaksin. Namun begitu, konflik ketenteraan di Ukraine dijangka menjejaskan pertumbuhan global. Kesan limpahan akan berpunca terutamanya daripada gangguan bekalan komoditi yang setakat ini telah menyebabkan kenaikan harga komoditi dan inflasi global, yang akan mengakibatkan peningkatan tekanan kos ke atas syarikat dan pendapatan benar yang lebih rendah sehingga menjejaskan perbelanjaan isi rumah.

Inflasi global diunjurkan meningkat dan kekal tinggi pada tahun 2022: Hal ini didorong oleh harga tenaga dan komoditi yang lebih tinggi serta gangguan yang berlanjutan dalam rantaian bekalan global dalam persekitaran permintaan yang terus pulih. Dalam keadaan tekanan inflasi global yang terus kuat, dasar monetari pada tahun 2022 dijangka terus kembali ke paras wajar bagi kebanyakan bank pusat dalam AE dan EME. Walau bagaimanapun, kadar dan magnitud dasar monetari untuk kembali ke paras wajar masih tidak menentu. Hal ini akan bergantung sebahagian besarnya pada tekanan inflasi yang berpanjangan serta kekukuhan pemulihan dalam ekonomi dan pasaran pekerja.

Imbangan risiko terhadap pertumbuhan global terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan berikutan ketegangan geopolitik yang kian meruncing dan perkembangan COVID-19 yang terus tidak menentu: Risiko utama kepada pertumbuhan timbul daripada kemungkinan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang ketat sekiranya berlaku penularan semula COVID-19 akibat Varian Membimbangkan (Variants of Concern, VOC) yang serius dan kebal vaksin. Hal ini boleh mengakibatkan inflasi yang lebih tinggi dan berpanjangan, yang mungkin diburukkan lagi oleh keadaan cuaca yang melampau dan gangguan pengeluaran komoditi. Risiko pertumbuhan yang lebih perlahan juga timbul daripada pemulihan yang lebih perlahan daripada jangkaan di China dan konflik geopolitik, terutamanya jika konflik di Ukraine terus meruncing dan berpanjangan, atau jika sekatan perdagangan dan kewangan diperhebat. Selain itu, keadaan kewangan global yang lebih ketat mengakibatkan risiko pengaliran keluar modal yang mendadak. Hal ini boleh menyebabkan pelarasan kadar pertukaran yang tidak teratur dan mencetuskan ketidakseimbangan sektor kewangan

semasa. Namun begitu, risiko pertumbuhan global menjadi tinggi masih wujud, berpunca terutamanya daripada pemberian vaksin COVID-19 yang lebih cepat dan lebih meluas, terdapat pilihan rawatan baharu untuk jangkitan COVID-19 dan sokongan fiskal tambahan terutamanya dalam kalangan AE.

Ekonomi Malaysia dijangka terus bertambah baik, dengan pertumbuhan diunjurkan meningkat antara 5.3% hingga 6.3% pada tahun 2022: Pemulihan ekonomi disokong oleh peningkatan permintaan luaran yang berterusan, penamatan sepenuhnya langkah-langkah pembendungan, pembukaan semula sempadan antarabangsa dan keadaan pasaran pekerja yang terus bertambah baik. Selain itu, pelaksanaan projek pelaburan dan langkah-langkah dasar bersasar akan memberikan sokongan kepada kegiatan ekonomi dan permintaan agregat.

Pemulihan sektor swasta yang lebih kukuh, disokong oleh peningkatan pasaran pekerja, akan menjadi pendorong utama pertumbuhan pada tahun 2022: Apabila kegiatan ekonomi meningkat, kadar pengangguran dijangka terus menurun pada tahun 2022 kepada sekitar 4% daripada tenaga kerja. Pemulihan dalam pasaran pekerja akan terus disokong oleh langkah-langkah bersasar untuk meningkatkan permintaan pekerja, memudahkan latihan semula dan peningkatan kemahiran, serta mengurangkan pergeseran pasaran pekerja. Pemulihan yang mampan dalam pekerjaan dan pendapatan dijangka mendorong peningkatan perbelanjaan isi rumah. Selain itu, kemajuan dalam pemberian vaksin dan penarikan balik langkah-langkah pembendungan akan menyebabkan peningkatan keyakinan pengguna, lantas menghasilkan permintaan terpendam (*pent-up demand*). Hasilnya, penggunaan swasta dijangka mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.0% (2021: 1.9%). Pelaburan swasta juga dijangka pulih dengan peningkatan sebanyak 5.3% (2021: 2.6%), disokong oleh pengembangan yang berterusan dalam permintaan global serta penyambungan semula projek yang sedia ada dan permulaan perbelanjaan modal baharu oleh perniagaan.

Langkah-langkah dasar bersasar terus dilaksanakan bagi menyokong momentum pemulihan: Dengan penekanan untuk membantu segmen yang mudah terjejas, pelbagai langkah dasar akan memainkan peranan penting dalam menyokong pemulihan ekonomi yang lebih meluas. Langkah-langkah kerajaan untuk memberikan sokongan kepada perbelanjaan isi rumah merangkumi pelbagai pindahan tunai dan pelepasan cukai. Bagi perniagaan, Program Subsidi Upah dan pelbagai geran bersasar diberikan kepada sektor yang mudah terjejas seperti industri berkaitan pelancongan dan pertanian.

Secara keseluruhan, risiko kepada unjuran pertumbuhan dalam negeri terus cenderung ke arah pertumbuhan menjadi lebih perlahan: Potensi pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang meluas akibat penularan semula COVID-19 seperti kemunculan VOC yang serius dan kebal vaksin merupakan risiko utama pertumbuhan yang lebih perlahan. Selain itu, pelancaran projek infrastruktur awam yang lebih perlahan daripada jangkaan, kekurangan pekerja dan gangguan rantaian bekalan yang berterusan, serta inflasi yang lebih tinggi daripada jangkaan juga boleh menjejaskan landasan pemulihan. Dari segi faktor luaran, gangguan rantaian bekalan yang semakin serius, peningkatan volatiliti yang menjurus kepada keadaan kewangan yang tidak teratur, serta ketegangan geopolitik yang berpanjangan dan semakin meruncing boleh menjejaskan prospek pertumbuhan Malaysia dengan ketara. Namun begitu, pertumbuhan global yang lebih tinggi daripada jangkaan dan peningkatan yang lebih kukuh daripada jangkaan dalam sektor berkaitan pelancongan berikutan pembukaan semula sempadan mungkin menimbulkan risiko pertumbuhan dalam negeri menjadi tinggi.

Inflasi keseluruhan diunjurkan berpurata antara 2.2% hingga 3.2% pada tahun 2022 dalam keadaan inflasi asas yang lebih tinggi: Inflasi bahan api, yang mendorong inflasi keseluruhan menjadi lebih tinggi pada tahun 2021, diunjurkan sederhana pada tahun 2022. Walaupun kos input yang tinggi dijangka memberikan tekanan kepada harga makanan segar terpilih, tekanan ini sebahagiannya akan dikurangkan oleh kawalan harga. Sementara itu, inflasi teras dijangka lebih tinggi dengan purata antara 2.0% hingga 3.0% pada tahun 2022 disebabkan oleh keadaan permintaan yang bertambah baik dalam keadaan tekanan kos yang berlanjutan. Bagi kebanyakan barangan dalam kumpulan Indeks Harga Pengguna (IHP) teras, tekanan harga pada tahun 2022 sebahagian besarnya akan mencerminkan keadaan kembali normal selepas tempoh permintaan yang lemah dan margin keuntungan yang menurun semasa pandemik. Walau bagaimanapun, kenaikan inflasi teras akan terus dibendung sebahagiannya oleh lebihan kapasiti yang berterusan dalam ekonomi dan pasaran pekerja. Tinjauan inflasi keseluruhan masih

terdedah kepada risiko inflasi menjadi lebih tinggi, terutamanya daripada faktor tolakan kos seperti trend menaik yang berterusan bagi kos input dan gangguan yang berlarutan terhadap rantaian bekalan global. Hal ini berpotensi diburukkan lagi oleh ketegangan geopolitik dan sekatan pergerakan di China. Dari segi risiko inflasi menjadi lebih rendah, risiko sebahagian besarnya mencerminkan faktor-faktor yang berpotensi mencetuskan pemulihan keadaan ekonomi yang lebih lemah, yang seterusnya boleh menyebabkan tekanan harga yang lebih sederhana.

Keadaan monetari dan kewangan domestik akan kekal kondusif bagi aktiviti pengantaraan kewangan: Bank-bank Malaysia terus mempunyai kapasiti pemberian pinjaman yang teguh, berikutan penampan modal dan mudah tunai mereka yang kukuh. Seiring dengan ekonomi yang semakin pulih, aliran kredit kepada sektor swasta dijangka meningkat pada tahun 2022. Peningkatan ini berikutan kekukuhan keupayaan bank-bank serta kesediaan yang lebih tinggi untuk memberikan pinjaman, ditambah dengan permintaan yang lebih tinggi untuk pembiayaan oleh isi rumah dan perniagaan. Walau bagaimanapun, terdapat ketidakpastian dan risiko yang lebih ketara berhubung dengan keadaan kewangan yang berpunca daripada perkembangan luaran, seperti dasar monetari yang kembali ke paras yang wajar pada peringkat global dan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Namun begitu, usaha yang berterusan untuk memperkukuh penampan luaran dan asas-asas ekonomi selama ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi dan sistem kewangan Malaysia, yang akan memudahkan pengantaraan aliran portfolio yang teratur. Selain itu, kesan daripada turun naik kadar pertukaran terhadap keadaan pembiayaan domestik dikurangkan oleh kebergantungan kepada pembiayaan mata wang asing yang rendah dan ketersediaan kemudahan lindung nilai. Fleksibiliti kadar pertukaran juga akan terus menjadi penyerap kejutan utama untuk memudahkan pelarasan makroekonomi yang diperlukan berikutan kejutan luaran. Sementara itu, operasi dasar monetari Bank akan memastikan mudah tunai domestik yang mencukupi dalam sistem kewangan untuk menyokong pengantaraan kewangan dan fungsi pasaran kewangan yang teratur.

Dasar monetari pada tahun 2022 akan terus menyokong pemulihan ekonomi yang mampan sambil mengekalkan kestabilan harga: Pada masa hadapan, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) akan memberikan tumpuan pada usaha memastikan tahap akomodasi monetari adalah konsisten dengan jangkaan keadaan ekonomi yang bertambah baik dalam keadaan tekanan harga menaik yang sederhana dan jangkaan inflasi yang tegar. Berlatarkan keadaan yang berubah dengan pesat dan ketidakpastian yang ketara, MPC akan terus memantau prospek pertumbuhan dan inflasi serta kemungkinan risiko menjadi kenyataan. Pertimbangan untuk sokongan dasar monetari yang berterusan perlu diseimbangkan dengan pengekalan kadar faedah yang rendah untuk tempoh yang berpanjangan, yang boleh menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan kewangan. MPC juga prihatin terhadap kemungkinan risiko inflasi yang lebih tinggi, yang terus dipengaruhi oleh perkembangan harga komoditi global. Walaupun dasar monetari mungkin bukan instrumen terbaik untuk memberikan tindak balas terhadap kesan pusingan pertama (*first-round effects*) ini, MPC akan menilai sama ada tekanan harga sebegini boleh menjadi lebih meluas dan berterusan untuk tempoh yang lama, serta sama ada tekanan harga ini akan ditingkatkan lagi oleh permintaan dalam negeri yang semakin kukuh. Untuk tujuan ini, keputusan dasar monetari pada masa hadapan akan terus berdasarkan data dan berpandukan perkembangan imbangan risiko berhubung dengan prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Sebarang potensi pelarasan pada tahap akomodasi monetari akan dilakukan dengan terkawal dan beransur-ansur. Memandangkan ketidakpastian yang berlarutan dan risiko pertumbuhan menjadi lebih rendah, dasar monetari akan kekal akomodatif dan pada masa yang sama mengekalkan kestabilan harga dan kewangan.

Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2021


Perkembangan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2021

2021: PEMULIHAN EKONOMI YANG SEDERHANA BERIKUTAN PANDEMIK YANG BERLANJUTAN

Pemulihan ekonomi global yang tidak sekata berikutan penularan semula COVID-19 dari semasa ke semasa dan liputan pemberian vaksin yang berbeza

Pada tahun 2021, ekonomi global pulih daripada kemelesetan yang didorong pandemik pada tahun sebelumnya. Perkembangan berkaitan pandemik COVID-19 terus membentuk landasan pemulihan, apabila penularan semula COVID-19 dari semasa ke semasa telah memperlahankan kadar pemulihan ekonomi. Bagi banyak ekonomi, kemajuan pemberian vaksin COVID-19 telah membantu pembukaan semula dan pemulihan ekonomi global. Hal ini didorong seterusnya oleh peningkatan semula perdagangan global yang kukuh meskipun menghadapi isu rantaian bekalan yang semakin buruk. Ekonomi global dan perdagangan global meningkat semula masing-masing sebanyak 5.8% dan 9.3% pada tahun 2021 (2020: masing-masing sebanyak -3.1% dan -8.2%) (Rajah 1.1). Tahun 2021 bermula dengan kes COVID-19 yang tinggi sehingga menjejaskan prestasi ekonomi-ekonomi utama. Kemunculan varian Delta pada suku kedua 2021 menyebabkan penularan semula yang berlarutan sepanjang tahun. Menjelang akhir tahun, varian terbaharu yang membimbangkan, iaitu Omicron, menyebabkan penularan semula kes COVID-19 sekali lagi secara mendadak. Langkah-langkah pembendungan, walaupun kurang ketat berbanding dengan langkah yang dilaksanakan pada suku kedua tahun 2020, telah diperkenalkan semula bagi membendung penularan ini lantas menjejaskan kadar pemulihan. Pengenalan vaksin pada awal bulan Disember 2020, yang berkesan mengurangkan insiden bergejala teruk dan kematian akibat COVID-19 (Rajah 1.2), membolehkan pembukaan semula ekonomi global yang lebih berterusan. Walau bagaimanapun, kadar pemulihan antara ekonomi maju (*advanced economies*, AE) dengan ekonomi sedang pesat membangun (*emerging market economies*, EME) adalah tidak sekata. Hal ini mencerminkan perbezaan dari segi akses kepada vaksin COVID-19 dan kemajuan


Rajah 1.1: Pertumbuhan KDNK Benar dan Perdagangan Peringkat Global



a Anggaran

Sumber: World Economic Outlook (WEO) Januari 2022 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 1.2: Kes dan Kematian Harian Baharu COVID-19 Global (Purata Bergerak 7 Hari)



Sumber: Our World in Data


pemberian vaksin dalam negeri, langkah-langkah pembendungan yang ketat untuk mengekang penularan semula COVID-19 serta tahap sokongan dasar ekonomi.

Dalam AE, langkah pembendungan yang ketat telah dilaksanakan pada beberapa bulan pertama tahun 2021. Walau bagaimanapun, kemajuan pemberian vaksin yang lebih pantas telah membolehkan AE utama seperti Amerika Syarikat (AS), kawasan euro dan United Kingdom (UK) melonggarkan langkah-langkah ketat yang dilaksanakan pada suku kedua tahun 2021. Langkah ini membantu peningkatan awal kegiatan ekonomi, terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan yang berhubung rapat dengan pelanggan (*high-touch services*). Sokongan fiskal yang besar dalam ekonomi ini turut membantu pemulihan ekonomi selanjutnya (Rajah 1.3). Di AS, terdapat pemberian wang tunai tambahan dan bantuan pengangguran yang dipertingkat, manakala Kesatuan Eropah (European Union, EU) memperkenalkan Multiannual Financial Framework (MFF) dan pelan pemulihan NextGenerationEU.[1]

Sementara itu, EME terus melaksanakan langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat untuk tempoh yang lebih lama berikutan kadar pemberian vaksin yang secara relatif lebih perlahan. Perkembangan ini telah melambatkan pemulihan ekonomi mereka. Sokongan fiskal dalam kalangan EME juga agak lebih terhad berbanding dengan AE (Rajah 1.3). Di samping itu, beberapa ekonomi melaksanakan dasar 'Sifar COVID', yang menyaksikan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan yang ketat apabila kes-kes tempatan dikesan. Hal ini menyebabkan gangguan kepada kegiatan ekonomi yang kerap, seterusnya menjejaskan sentimen. Keadaan ini diperhatikan di Republik Rakyat China, apabila jualan runcit terus terjejas terutamanya pada separuh kedua tahun 2021 berikutan penularan semula kes-kes COVID-19 yang berulang. Pengeluaran juga terjejas walaupun tidak begitu ketara.

Keadaan pasaran pekerja dalam AE dan EME pulih walaupun pada kadar yang berbeza. Berikutan

Rajah 1.3: Tindak Balas Fiskal Mengikut Budi Bicara terhadap Krisis COVID-19



Nota: Merangkumi tindak balas fiskal dari bulan Januari 2020 hingga September 2021.

Sumber: Fiscal Monitor Database of Country Fiscal Measures in Response to the COVID-19 Pandemic oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)


pembukaan semula ekonomi yang lebih awal dan pemulihan permintaan dalam negeri yang lebih pesat, keadaan pasaran pekerja dalam AE bertambah kukuh pada tahun 2021. Sementara itu, pengangguran kekal tinggi dan lebih berpanjangan dalam EME namun bertambah baik menjelang akhir tahun berikutan pembukaan semula ekonomi yang lebih stabil (Rajah 1.4). Meskipun begitu, AE dan EME mengalami cabaran yang serupa, iaitu pemulihan penyertaan tenaga kerja yang lebih lemah dalam kalangan segmen yang mudah terjejas. Penyertaan tenaga kerja wanita terkesan berikutan guna tenaga pekerja wanita lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan, iaitu sektor yang lebih terjejas akibat pandemik. Selain itu, keadaan ini diburukkan lagi oleh keperluan keluarga dan penjagaan anak yang meningkat berikutan penutupan sekolah dan fasiliti penjagaan semasa pandemik.[2] Keadaan pasaran pekerja khususnya bagi golongan belia juga mencabar apabila guna tenaga dalam kalangan belia di banyak negara kekal lebih rendah berbanding dengan golongan umur utama pekerja (*prime-age workers*). Kehilangan pekerjaan dalam kalangan belia bukan sahaja menghasilkan kadar pengangguran

[1] MFF merupakan belanjawan jangka panjang 7 tahun Kesatuan Eropah, dan MFF terkini menggariskan perbelanjaan antara tahun 2021 dan 2027. MFF terkini termasuk pelan pemulihan NextGenerationEU, yang memperuntukkan dana tambahan bagi menyokong pemulihan EU daripada pandemik COVID-19. Belanjawan meliputi sokongan fiskal untuk peralihan hijau dan digital, penyelidikan dan pembangunan, subsidi pertanian, dan sokongan pembangunan ekonomi bagi mengurangkan jurang perbezaan antara wilayah EU.

[2] Ringkasan dasar ("An uneven and gender-unequal COVID-19 recovery: Update on gender and employment trends 2021") yang diterbitkan oleh International Labour Organization (ILO) memberikan bukti bahawa guna tenaga wanita terjejas lebih teruk akibat pandemik. Ringkasan dasar ini mencadangkan bahawa lebih banyak dasar yang khusus jantina mungkin perlu dirangka bagi menyokong pemulihan yang lebih inklusif.

yang lebih tinggi tetapi juga kadar kehampaan (*discouragement*) dan ketidakgiatan (*inactivity*) yang lebih tinggi.[3]

Rajah 1.4: Kadar Pengangguran



Nota: Kadar pengangguran diagregat menggunakan wajaran PPP


Sumber: Pihak berkuasa negara, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Permintaan terhadap barangan kekal kukuh dalam keadaan penularan semula COVID-19 dan pelaksanaan langkah-langkah pembendungan terutamanya bagi keluaran elektrik dan elektronik (E&E) serta keluaran komoditi. Sekatan terhadap aktiviti perkhidmatan menyebabkan sebahagian perbelanjaan beralih kepada barangan, manakala permintaan terhadap keluaran komoditi disokong oleh pemulihan global. Khususnya, keluaran E&E juga disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap peralatan bekerja dari rumah. Kitaran menaik teknologi global mendorong pertumbuhan yang kukuh dalam aktiviti perkilangan pada peringkat global (Rajah 1.5), terutamanya bagi ekonomi serantau.

Walau bagaimanapun, perdagangan dan pengeluaran barangan di pelbagai negara sepanjang rantaian nilai global terjejas oleh langkah-langkah pembendungan berikutan penularan semula kes COVID-19. Hal ini menyebabkan gangguan dari semasa ke semasa di kilang dan fasiliti logistik seperti pelabuhan perkapalan. Gangguan rantaian bekalan mengekang pertumbuhan aktiviti perkilangan, disebabkan

[3] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk "ILO Briefing Note: An update on the youth labour market impact of the COVID-19 crisis" (Jun 2021), dan "ILO Monitor: COVID-19 and the world of work. Eighth edition" (Oktober 2021). Kehampaan dan ketidakgiatan dianggarkan melalui kadar keluar pasaran pekerja yang tidak diimbangi oleh penyertaan dalam kegiatan pendidikan dan latihan.

Rajah 1.5: Pertumbuhan Jumlah Perdagangan Barangan dan Pengeluaran Perindustrian Peringkat Global



Sumber: CPB Netherlands Bureau for Economic Policy Analysis

oleh kekurangan dan kelewatan mendapatkan input bagi pengeluaran, serta kelengkapan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran. Kekurangan cip semikonduktor di seluruh dunia turut meruncing berikutan permintaan yang tinggi terhadap peralatan digital semasa pandemik dan masa tunggu yang panjang untuk peningkatan kapasiti. Secara keseluruhan, walaupun prestasi sektor perdagangan dan perkilangan global kekal kukuh sepanjang tahun, gangguan rantaian bekalan memberikan kesan yang teruk terhadap industri automotif pada peringkat global berikutan penggunaan cip semikonduktor yang meluas dalam pengeluaran automotif.


Apabila aktiviti ekonomi beroperasi semula berikutan pelonggaran langkah-langkah pembendungan dan keadaan permintaan yang mula pulih, tekanan inflasi mula meningkat pada separuh kedua tahun 2021. Harga komoditi, termasuk harga makanan dan minyak global, meningkat dengan mendadak didorong oleh pemulihan dalam kegiatan ekonomi. Bagi harga minyak terutamanya, terdapat kekangan bekalan yang disebabkan sebahagiannya oleh pelaburan yang rendah bagi peningkatan kapasiti sebelum ini. Tambahan lagi, keadaan cuaca buruk menjejaskan pengeluaran minyak mentah, meningkatkan permintaan terhadap gas asli dan menyumbang kepada kenaikan harga komoditi makanan tertentu. Kekurangan pekerja dalam beberapa AE, terutamanya AS, juga menyebabkan peningkatan tekanan upah. Di samping itu, gangguan rantaian bekalan menyebabkan peningkatan kos perkapalan dan input global, yang akhirnya memberikan kesan pada harga barangan pengguna.

Persekitaran permintaan yang bertambah kukuh susulan pembukaan semula ekonomi dan tekanan kos yang semakin meningkat daripada harga komoditi dan gangguan rantaian bekalan telah mendorong peningkatan inflasi. Oleh itu, banyak bank pusat mula menarik balik sokongan monetari pada separuh kedua tahun 2021 bagi membendung tekanan harga, dan pada masa yang sama mengimbangi keperluan untuk terus menyokong pemulihan ekonomi. Federal Reserve AS selesai mengurangkan pembelian asetnya pada pertengahan bulan Mac 2022, manakala European Central Bank telah mengumumkan pengurangan Pandemic Emergency Purchase Programme. Beberapa bank pusat EME seperti Brazil, Mexico, dan Rusia juga telah menaikkan kadar dasar masing-masing berikutan inflasi yang lebih tinggi dan semakin meningkat melebihi sasaran mereka. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan inflasi berbeza antara negara, dengan inflasi di kebanyakan ekonomi Asia secara relatif lebih rendah. Oleh itu, EME di Asia seperti Indonesia, Thailand, dan Filipina tidak menaikkan kadar dasar masing-masing sepanjang tahun 2021.

Keadaan kewangan domestik yang lebih ketat, tetapi kesan limpahan terhadap aktiviti pengantaraan kewangan adalah terkawal

Perkembangan berhubung dengan pandemik merupakan faktor utama yang menjejaskan pasaran kewangan global dan domestik pada tahun 2021. Pasaran kewangan memulakan tahun itu dengan kesinambungan momentum yang meningkat dari tahun 2020 berikutan prospek yang lebih menggalakkan[4] berhubung dengan pandemik. Di AS, kadar hasil bon US Treasury jangka panjang melonjak secara mendadak pada suku pertama berikutan peningkatan jangkaan pasaran terhadap pemulihan ekonomi yang lebih pantas dan inflasi yang lebih tinggi (Rajah 1.6). Hal ini menyebabkan keluk kadar hasil bon semakin mencuram dalam AE dan EME yang lain. Dolar AS juga semakin kukuh (Rajah 1.6), menyebabkan nilai mata wang bagi kebanyakan EME menyusut berbanding dengan dolar AS. Namun begitu, kadar hasil bon di AS dan kemudiannya merentas negara-negara lain sebahagiannya menurun pada bulan April berikutan penegasan Federal Reserve AS untuk mengekalkan pendirian dasar monetarinya bagi menyokong pemulihan ekonomi. Penurunan kadar hasil bon menyumbang kepada pelonggaran keadaan kewangan, yang mengelakkan kesan buruk terhadap pemulihan ekonomi daripada keadaan kewangan menjadi ketat terlalu awal, terutamanya bagi ekonomi yang terus menghadapi cabaran untuk menguruskan kesan daripada pandemik.

Rajah 1.6: Kadar Hasil Nota US Treasury 10 tahun dan Indeks Dolar AS



— Kadar Hasil Nota US Treasury 10 tahun

— Indeks Dolar AS (skala kanan)

Sumber: Bloomberg

